

TERMA DAN SYARAT DEBIT MASTERCARD UOB

Berkuatkuasa 21 Disember 2021

NOTIS PENTING

- I. Sila baca terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") sebelum mengaku penerimaan dan/atau menggunakan Kad Debit.
- II. Apabila anda mengaku penerimaan Kad Debit, menandatangani pada Kad Debit atau menggunakan Kad Debit untuk pertama kalinya, anda dianggap telah membaca, menerima dan bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini.

TERMA DAN SYARAT

Pengeluaran Kad Debit oleh kami kepada anda, pengakuan penerimaan Kad Debit oleh anda, dan penggunaan Kad Debit oleh anda adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.

1.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini mempunyai makna seperti berikut:

"Akaun" – mana-mana akaun semasa dan/atau simpanan konvensional dan/atau Islam anda, sama ada dibuka secara tunggal atau bersama, dikekalkan dengan kami yang dikaitkan kepada Kad Debit.

"Pengakuan Penerimaan" – Sebarang dokumen dalam bentuk dan cara yang boleh diterima oleh kami dan ditandatangani oleh anda bagi tujuan mengaku penerimaan Kad Debit.

"Fi Tahunan" – Fi yang dikenakan kepada Ahli Kad pada tahun kedua and seterusnya.

"ATM" – Mesin Juruwang Automatik.

"Pedagang yang Dibenarkan" - Mana-mana individu, pedagang atau peruncit yang bersetuju untuk menerima atau menyebabkan kedainya untuk menerima Kad Debit bagi tujuan pembayaran barangan atau perkhidmatan.

"Pusat Hubungan" – Pusat Hubungan UOB di mana maklumat lanjut mengenainya dinyatakan dalam Klausula 33.

"Ahli Kad" atau **"anda"** – Individu di mana Kad Debit dikeluarkan oleh kami.

"Transaksi Tanpa Kad" – Transaksi yang dilakukan tanpa mengemukakan Kad Debit secara fizikal di tempat jualan termasuk transaksi dalam talian, serta transaksi Pesanan Pos dan Pesanan Telefon (MOTO).

"Fi penggantian kad"- Fi yang dikenakan kepada Ahli Kad sekiranya kad hilang/dicuri/rosak

"Pengeluaran Tunai" – Pengeluaran tunai daripada Akaun di ATM atau Saluran Tunai yang Dibenarkan.

"Draf Pengeluaran Tunai" – Dokumen atau slip yang diberikan oleh kami atau mana-mana sekutu Mastercard Worldwide berhubung dengan pengeluaran tunai menggunakan Kad Debit.

"Terminal Cip" – Suatu terminal transaksi dan, di mana sesuai, dilengkapi dengan pembaca tanpa sentuhan yang berupaya untuk membaca, berkomunikasi dan memproses transaksi yang menggunakan Kad Debit.

“Transaksi Sentuhan” – Transaksi yang dilaksanakan melalui Kad Debit Ahli Kad di mana Ahli Kad perlu memasukkan PIN beliau ke dalam Terminal Cip dan/atau menandatangani Draf Jualan. Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi Sentuhan tidak termasuk Transaksi Tanpa Sentuhan dan Transaksi Tanpa Kad.

“Transaksi Tanpa Sentuhan” – Transaksi yang menggunakan pengenalan frekuensi radio (RFID) untuk membuat bayaran dengan menyentuh/melambaikan Kad Debit ke atas pembaca yang selamat, tanpa memerlukan sebarang tandatangan Ahli Kad atau PIN untuk dimasukkan oleh Ahli Kad. Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi Tanpa Sentuhan tidak boleh digunakan untuk Transaksi Tanpa Kad.

“Kad Debit” – kad debit UOB atau kad debit lain yang dikeluarkan oleh kami menurut Perjanjian ini dan apa-apa pertukaran, penggantian atau pembaharuan bagi kad tersebut.

“EFTPOS” – perkhidmatan pindahan dana elektronik yang disediakan di tempat jualan antara anda dan pihak ketiga.

“ePenyata” – Penyata elektronik yang disediakan untuk paparan melalui Perbankan Internet Peribadi UOB anda selepas anda mendaftar untuk perkhidmatan ePenyata bagi Akaun.

“Fi”- Bayaran yang perlu dibayar semasa permohonan, setiap tahun atau waktu lain yang ditentukan oleh Bank kepada Ahli Kad untuk penggunaan Perkhidmatan dan akan didebitkan dari Akaun pada setiap tarikh ulang tahun penerbitan Kad Debit dan juga termasuk semua fi dan caj, faedah, cukai, duti levi atau pungutan dan pembayaran lain yang dikenakan oleh Bank di bawah Terma dan Syarat ini

“Kumpulan” – cawangan, agensi, pejabat perwakilan, syarikat gabungan, sekutu atau berkaitan kami, serta pegawai, kakitangan, atau agen masing-masing, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuk kami.

“HOUSE” – Rangkaian perkongsian ATM yang dikendalikan oleh House Network Sdn Bhd di bawah jenama "HOUSE".

“Proses Undang-undang” – Mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mana-mana proses pemula termasuk writ saman dan saman pemula serta apa-apa bentuk proses, rayuan, permohonan interlokutori, afidavit, arahan, penghakiman, notis lain dan mana-mana dokumen lain yang perlu diserahkan di bawah sebarang undang-undang bertulis dan notis sedemikian di bawah Akta Insolvensi 1967.

“Had” – Jumlah maksimum harian yang dibenarkan bagi anda berurusniaga daripada Akaun dengan menggunakan Kad Debit atau jumlah baki dalam Akaun, yang mana lebih rendah.

“Mastercard Worldwide” – Mastercard International Incorporated, sebuah syarikat yang diperbadankan di negeri Delaware, dengan pejabat utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, NY 10577-2509, Amerika Syarikat (dan termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah hak).

“Minor” – Seorang individu di bawah umur 18 tahun.

“PayNet” - Payments Network Malaysia Sdn Bhd.

“MyDebit” – Skim bayaran kad yang membenarkan Ahli Kad melakukan bayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan di mana-mana Pedagang yang Dibenarkan dan mengeluarkan wang tunai di mana-mana Saluran Tunai yang Dibenarkan dengan mendebit terus daripada Akaun.

“OTP” – Kata laluan sekali yang dihantar melalui SMS ke nombor telefon bimbit anda yang didaftarkan dengan kami.

“Kod Laluan” – Kata laluan atau kod yang digunakan untuk mengesahkan identiti anda atau membenarkan sesuatu transaksi menggunakan Kad Debit. Kod laluan adalah termasuk kata laluan, OTP, PIN dan sebarang kod laluan lain yang kami mungkin keluarkan dari semasa ke semasa.

‘Data Peribadi’ – sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seorang individu, yang bagi tujuan Terma dan Syarat ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran perhubungan, maklumat yang diperoleh daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej di Televisyen Litar Tertutup (CCTV)), maklumat berhubung dengan Akaun yang dipegang sama ada secara bersendirian atau bersama dengan mana-mana individu lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami serta data lain sedemikian yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.

“PIN” – nombor pin 6 digit.

“Akaun Utama” – Akaun yang dipilih oleh anda untuk menjadi akaun utama untuk Kad Debit anda. Semua transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Debit akan didebitkan dari akaun ini kecuali Pengeluaran Tunai. Untuk Pengeluaran Tunai di ATM, anda boleh memilih untuk mengeluarkan wang dari mana-mana Akaun.

“Draf Jualan” – Dokumen yang diberikan oleh kami atau mana-mana sekutu Mastercard Worldwide kepada Pedagang yang Dibenarkan berkenaan pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dengan menggunakan Kad Debit.

“Barangan dan Perkhidmatan patuh Syariah” bermakna barangan dan perkhidmatan yang boleh diterima dan adalah selaras dengan prinsip Syariah.

"Penyata Akaun" – Salinan fizikal penyata yang kami keluarkan kepada anda setiap bulan atau sebarang penyata tambahan lain yang dikeluarkan atas permintaan anda, atau ePenyata bulanan yang disediakan untuk paparan melalui Perbankan Internet Peribadi UOB anda yang menunjukkan semua transaksi Akaun termasuk pengeluaran, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan transaksi internet yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Debit, sebarang jumlah yang dikreditkan ke dalam Akaun dan baki kredit dalam Akaun.

“Tarikh Penyata” – Tarikh Penyata Akaun.

“SMS” – Khidmat Pesanan Ringkas.

“Arahan Telekomunikasi” – Arahan daripada anda kepada kami yang dihantar melalui telefon atau faksimili atau melalui apa-apa cara arahan telekomunikasi yang lain.

“Terma dan Syarat” – terma dan syarat ini yang mentadbir Kad Debit (termasuk sebarang perubahan atau tambahan kepada terma dan syarat ini yang mungkin ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa).

“Subjek Data Pihak Ketiga” – seorang individu di mana Data Peribadinya telah diberikan kepada kami oleh anda dan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada mandat, waris, tanggungan, penjamin individu dan penyedia keselamatan anda.

“UOB Malaysia”, “kami” atau “kita” – United Overseas Bank (Malaysia) Bhd [199301017069 (271809-K)] yang mempunyai pejabat berdaftar di Aras 11, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dan cawangan-cawangan di Malaysia.

“Tempoh Sah” – tempoh yang dinyatakan pada Kad Debit.

- 1.2 Terma dan Syarat mesti dibaca bersama dengan terma dan syarat yang mentadbir Akaun yang boleh didapati di laman web kami di www.uob.com.my atau di mana-mana cawangan kami.
- 1.3 Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidaksejajaran antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mentadbir Akaun, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai berhubung dengan penggunaan Kad Debit.
- 1.4 Rujukan kepada –
- a) bilangan tunggal juga termasuk jamak, dan sebaliknya;
 - b) jantina maskulin juga termasuk jantina feminin dan neuter, dan sebaliknya;
 - c) seseorang termasuk individu, suatu perkongsian, sebuah pertubuhan korporat, persatuan yang tidak diperbadankan, sebuah kerajaan, sebuah negeri, sebuah agensi negeri, dan satu amanah;
 - d) seseorang termasuk wasi individu, pentadbir, waris, pengganti, dan pemegang serah hak, dan Terma dan Syarat ini akan mengikat individu-individu tersebut; dan
 - e) apabila memperkenalkan sesuatu contoh, “termasuk” atau “sebagai contoh” (atau perkataan lain yang sama) tidak menandakan maksud perkataan bagi contoh-contoh tersebut.

2.0 PENERIMAAN KAD DEBIT

- 2.1 Apabila anda menerima Kad Debit yang kami keluarkan kepada anda, anda mesti menandatangani atas jalur tandatangan di belakang Kad Debit dengan serta-merta.
- 2.2 Apabila anda menandatangani pada Kad Debit atau menggunakan Kad Debit untuk kali pertama, anda dianggap telah menerima dan bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini.
- 2.3 Anda tidak boleh menggunakan Kad Debit untuk apa-apa tujuan, dan mesti memotong Kad Debit kepada dua bahagian dengan serta-merta apabila mana-mana daripada yang berikut berlaku:
- a) jika anda tidak bersetuju dengan kandungan Terma dan Syarat ini;
 - b) pada penamatan Tempoh Sah;
 - c) pada pembatalan atau penamatan Kad Debit;
 - d) pada permintaan anda untuk mengganti Kad Debit;
 - e) pada pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kad Debit oleh kami;
 - f) pada pengembalian Kad Debit selepas pemberitahuan mengenai kehilangan atau kecuriannya; atau
 - g) jika Kod Laluan didedahkan atau terdedah, secara sukarela atau sebaliknya, kepada mana-mana individu; atau
 - h) jika anda tidak dapat mengingat PIN atau Kod Laluan anda;
- 2.4 Selepas kami menggantung Kad Debit, anda tidak boleh menggunakan Kad Debit untuk apa-apa tujuan. Anda hanya boleh menggunakan Kad Debit selepas kami memaklumkan anda bahawa kami telah menarik balik penggantungan Kad Debit tersebut.
- 2.5 Pada setiap masa, Kad Debit akan kekal sebagai hak milik kami dan mesti diserahkan kepada kami atas permintaan kami.
- 2.6 Kad Debit tidak boleh dipindah milik kepada individu lain, dan mesti digunakan selaras dengan Terma dan Syarat ini, serta segala syarat, arahan, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kami, Mastercard Worldwide, PayNet, Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain.

3.0 FUNGSI KAD DEBIT

- 3.1 Kad Debit boleh digunakan untuk apa-apa perkhidmatan yang kami sediakan untuk sebarang tujuan yang diluluskan oleh kami, termasuk –

- a) pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada Pedagang yang Dibenarkan di Malaysia dengan melaksanakan Transaksi Sentuhan;
 - b) mengeluarkan tunai daripada Akaun anda di mana-mana ATM yang ditetapkan di Malaysia;
 - c) pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada Pedagang yang Dibenarkan dengan melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan;
 - d) pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada Pedagang yang Dibenarkan di luar Malaysia dengan melaksanakan Transaksi Sentuhan;
 - e) mengeluarkan tunai daripada Akaun anda di mana-mana ATM yang ditetapkan di luar Malaysia; dan
 - f) melaksanakan Transaksi Tanpa Kad.
- 3.2 Jika anda tidak memilih keluar daripada perkhidmatan yang dinyatakan dalam Klausula 3.1(a), 3.1(b) dan/atau 3.1(c) di atas, perkhidmatan ini akan disediakan secara automatik kepada anda sejurus selepas anda melakukan transaksi ATM pertama anda dengan menggunakan Kad Debit anda di mana-mana ATM kami. Jika anda memilih untuk tidak menggunakan sebarang perkhidmatan sedemikian dan kemudiannya membuat keputusan untuk menggunakan perkhidmatan, anda boleh mengaktifkan perkhidmatan dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami dan perkhidmatan tersebut akan disediakan kepada anda sebaik sahaja selepas anda melakukan sesuatu transaksi ATM atau pertanyaan dengan menggunakan Kad Debit anda di mana-mana ATM kami.
- 3.3 Berhubung dengan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Klausula 3.1(d), 3.1(e) dan 3.1(f) di atas, ia tidak akan disediakan kepada anda kecuali jika anda memilih perkhidmatan tersebut.
- 3.4 Anda boleh menyahaktifkan mana-mana perkhidmatan yang dinyatakan dalam Klausula 3.1 di atas dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami.
- 3.5 Penggunaan Kad Debit oleh anda adalah tertakluk kepada Had, dan kami boleh memutuskan untuk tidak menunaikan transaksi jika transaksi tersebut melebihi Had atau terdapat dana yang tidak mencukupi di dalam Akaun untuk menunaikan transaksi tersebut.
- 3.6 Kad Debit Anda menyokong dua jenama kad debit, iaitu MyDebit dan Mastercard. MyDebit hanya boleh digunakan di Malaysia manakala Mastercard boleh diterima di dalam dan di luar Malaysia.
- 3.7 Apabila menggunakan Kad Debit anda di mana-mana Pedagang yang Dibenarkan di Malaysia, Pedagang yang Dibenarkan boleh memilih dan memutuskan untuk menerima dan memproses pembayaran Kad Debit anda menggunakan MyDebit atau Mastercard.

4.0 KOD LALUAN DAN KERAHSIAAN KOD LALUAN

- 4.1 Apabila Kad Debit dikeluarkan, digantikan atau dikeluarkan semula di cawangan kami, anda perlu memilih PIN anda dan mengaktifkan Kad Debit anda di cawangan. Apabila Kad Debit baru dikeluarkan dan dihantar ke alamat surat-menyurat anda, anda perlu memilih PIN anda dan mengaktifkan Kad Debit baru anda melalui Tindakbalas Suara Interaktif (IVR).
- 4.2 Anda boleh menukar PIN anda pada bila-bila masa:
- a) di mana-mana ATM kami; atau
 - b) di mana-mana cawangan kami.
- 4.3 Jika PIN anda didedahkan atau terbongkar kepada mana-mana individu, anda mesti memaklumkan Pusat Hubungan kami dengan serta-merta untuk mengelakkan sebarang transaksi tidak dibenarkan berlaku dan kemudiannya menukar PIN sedia ada anda. Proses untuk menukar PIN anda dinyatakan dalam Klausula 4.2 di atas.

- 4.4 Anda perlu mengambil semua langkah munasabah untuk memastikan dan mengelakkan sebarang penggunaan Kod Laluan tanpa kebenaran dan/atau secara penipuan pada setiap masa dan memastikan bahawa telefon bimbit anda yang menerima OTP adalah selamat apabila anda melakukan Transaksi Tanpa Kad.
- 4.5 Anda bersetuju bahawa Kod Laluan anda adalah sulit dan berjanji untuk tidak mendedahkan atau membongkarnya dalam apa-apa cara yang menyebabkan Kod Laluan anda didedahkan atau terbongkar kepada mana-mana individu (termasuk kakitangan kami) melalui panggilan telefon, e-mel yang tidak diingini atau pada mana-mana laman web selain laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau melalui apa-apa cara lain.
- 4.6 Anda harus menghafal Kod Laluan anda dan memastikan anda tidak menyimpan rekod bertulis Kod Laluan anda di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang mungkin membolehkan pihak ketiga mendapat akses kepada atau menggunakan Kod Laluan anda.
- 4.7 Anda tidak harus menggunakan PIN yang umum, seperti nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu, tarikh lahir atau nombor telefon anda dan memastikan anda menukar PIN anda dari semasa ke semasa.

5.0 PENGGUNAAN KAD DEBIT

- 5.1 Anda bersetuju dan berjanji untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad Debit, seperti berikut:
- anda perlu memastikan bahawa Kad Debit dikembalikan kepada anda selepas anda melengkapkan sebarang transaksi di Pedagang yang Dibenarkan atau ATM;
 - anda harus memusnahkan Kad Debit dengan betul dengan memotong sepanjang jalur magnetik dan cip sekiranya anda ingin membatalkan Kad Debit dan kembalikannya kepada kami;
 - anda tidak harus meninggalkan Kad Debit tanpa diawasi dalam kereta dan/atau di tempat awam;
 - anda tidak seharusnya meminjamkan Kad Debit anda kepada sesiapa pun kerana Kad Debit anda adalah semata-matanya untuk kegunaan anda sendiri;
 - anda harus menyimpan Kad Debit yang tidak digunakan di tempat selamat.
- 5.2 Jika anda mengesyaki atau menyedari bahawa –
- seseorang yang tidak dibenarkan mengetahui Kod Laluan anda; atau
 - terdapat akses tanpa kebenaran untuk Kad Debit atau Akaun anda, atau penggunaan Kod Laluan anda; atau
 - Kad Debit anda hilang atau dicuri; atau
 - terdapat transaksi tanpa kebenaran menggunakan Kad Debit anda,

anda mesti memaklumkan kami di Pusat Hubungan sebaik sahaja ia munasabah untuk berbuat demikian dan memotong Kad Debit kepada dua bahagian. Jika anda gagal berbuat demikian, anda akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan dan caj yang ditanggung di bawah Kad Debit.

Kami berhak untuk menggantung/menamatkan penggunaan Kad Debit atau membatalkan Kad Debit anda dan kami mungkin mengeluarkan Kad Debit baru untuk anda, seperti yang kami tentukan, tertakluk kepada sebarang caj yang kami mungkin kenakan dari semasa ke semasa.

Sekiranya Kad Debit anda hilang atau dicuri di luar Malaysia, anda mesti memaklumkan mana-mana ahli Mastercard WorldWide sebaik sahaja ia munasabah untuk berbuat demikian. Selepas itu, anda perlu menyediakan dokumen seperti berikut kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kejadian,

- pengesahan bertulis mengenai kejadian tersebut;
- sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh kami termasuk tetapi tidak terhad kepada salinan laporan polis berkenaan kejadian tersebut.

Anda juga perlu memberikan sebarang maklumat yang berkaitan serta bantuan yang munasabah kepada kami bagi tujuan penyiasatan kami ke atas kejadian tersebut.

- 5.3 Anda bersetuju bahawa jika anda tidak mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Klausula 4, 5.1 dan 5.2, ia boleh mendedahkan anda kepada kecurian atau penggunaan Kad Debit tanpa kebenaran, di mana anda akan bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilakukan dengan Kad Debit, sama ada transaksi tersebut adalah dalam pengetahuan atau kuasa anda atau sebaliknya.
- 5.4 Anda perlu menggunakan Kad Debit dan PIN anda untuk mendapat akses ke Akaun anda bagi Pengeluaran Tunai melalui ATM.
- 5.5 Transaksi Tanpa Sentuhan
- (i) Terdapat dua (2) jenis Transaksi Tanpa Sentuhan, iaitu:
 - (a) MyDebit Contactless – Kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian MyDebit yang boleh dilakukan di mana-mana terminal tempat jualan yang memaparkan logo MyDebit Contactless; dan
 - (b) Mastercard PayPass – Kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian Mastercard yang boleh dilakukan di mana-mana terminal tempat jualan yang memaparkan logo Mastercard PayPass.
 - (ii) Anda mengakui bahawa penggunaan Kad Debit untuk Transaksi Tanpa Sentuhan adalah terhad kepada: Maksimum RM250 atau nilai setara dengannya dalam mata wang asing bagi setiap transaksi atau RM800 secara terkumpul. Kami berhak untuk menyemak semula had atau mengenakan apa-apa had lain dari semasa ke semasa; atau
 - (iii) Untuk Transaksi Tanpa Sentuhan, Pedagang yang Dibenarkan tidak perlu memberikan draf jualan transaksi yang lengkap kecuali jika anda memohonnya.
- 5.6 Jika anda ingin menggunakan Kad Debit untuk bayaran berhubung dengan transaksi dalam talian, anda secara amnya perlu memasukkan OTP yang diterima untuk melengkapkan pembayaran transaksi dalam talian tersebut.
- 5.7 Kami boleh meminta anda untuk menetapkan had transaksi harian anda dalam Ringgit Malaysia pada bila-bila masa, namun demikian, ia tidak boleh melebihi Had dalam apa-apa keadaan sekalipun.
- 5.8 Anda tidak boleh menggunakan Kad Debit untuk sebarang transaksi melebihi Had sedemikian. Walau bagaimanapun, transaksi untuk Perkhidmatan Insurans (MCC 5960 dan MCC 6300), Penginapan – Hotel/Motel/Resort (MCC 7011), Kolej, Universiti (MCC 8220) dan Hospital (MCC 8062 dan MCC 8011) adalah berdasarkan ketersediaan dana dalam Akaun Utama atau RM20,000 sehari/ setiap transaksi yang mana lebih tinggi dan tidak tertakluk kepada Had atau had yang ditetapkan oleh anda.
- 5.9 Anda tidak boleh menggunakan atau cuba menggunakan Kad Debit untuk sebarang transaksi, khususnya pengeluaran tunai, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pembayaran atau pemindahan dana daripada mana-mana Akaun melainkan terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun yang berkenaan.
- 5.10 Jika Akaun Utama yang dikaitkan kepada Kad Debit adalah akaun semasa/simpanan Islam, Kad Debit tersebut harus digunakan untuk pembelian Barangan dan Perkhidmatan yang patuh Syariah sahaja.
- 5.11 Anda membenarkan kami untuk mendebit Akaun Utama dan/atau Akaun anda untuk sebarang transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Debit dan Pengeluaran Tunai, walaupun pendebitan tersebut mungkin mengakibatkan Akaun terlebih keluar.
- 5.12 Anda masih bertanggungjawab kepada kami untuk transaksi di mana anda tidak memperoleh atau menandatangani Draf Jualan dan/atau Draf Pengeluaran Tunai, jika kami menentukan bahawa kecuaiannya disebabkan oleh jenis transaksi ataupun kesilapan anda atau Pedagang yang Dibenarkan.

- 5.13 Kami boleh memutuskan untuk tidak menerima suatu transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Debit jika terdapat –
- a) sesuatu kesilapan, kerosakan, kegagalan atau gangguan dalam penyediaan perkhidmatan ATM atau dalam sistem atau peralatan kami;
 - b) kerosakan mekanikal atau kepincangan terminal atau peralatan di Pedagang yang Dibenarkan atau mana-mana ATM atau rangkaian perkhidmatan lain;
 - c) baki tersedia yang tidak mencukupi di dalam Akaun berkenaan;
 - d) penggunaan atau percubaan untuk menggunakan Kad Debit untuk transaksi yang melebihi Had kecuali transaksi yang dibenarkan di bawah Klausula 5.8 di atas; dan

anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, kecederaan atau ganti rugi yang mungkin dialami oleh anda akibat daripada penolakan atau kesulitan tersebut.

- 5.14 Semua transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Debit, fi dan caj lain yang berkaitan dengan transaksi sedemikian atau Kad Debit akan didebitkan daripada Akaun dan ditunjukkan dalam Penyata Akaun.

- 5.15 Untuk sebarang transaksi pra-kebenaran seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5.15.1 dan 5.15.2 di bawah, baki tersedia dalam Akaun anda atau sebahagian daripadanya boleh diperuntukkan sehingga transaksi selesai.

5.15.1 Bagi pembelian petrol yang dilakukan di pam/kios menggunakan Kad Debit, jumlah pra-kebenaran yang ditentukan oleh kami akan diperuntukkan daripada baki tersedia dalam Akaun anda untuk tempoh empat (4) hari bekerja, dari hari transaksi.

5.15.2 Bagi transaksi pra-kebenaran pengangkutan (MCC 4111) yang dilakukan menggunakan Kad Debit, jumlah pra-kebenaran yang ditentukan oleh Pedagang yang Dibenarkan akan diperuntukkan untuk tempoh maksimum sehingga dua belas (12) hari bekerja daripada baki tersedia dalam Akaun anda sehingga transaksi tersebut selesai dan jumlah transaksi sebenar telah didebitkan daripada Akaun anda. Untuk transaksi pra-kebenaran yang lain yang dilakukan menggunakan Kad Debit, tempoh maksimum yang diperuntukkan adalah sehingga tujuh (7) hari bekerja.

- 5.16 Jika baki tersedia dalam Akaun tidak mencukupi untuk membayar sebarang transaksi, fi atau caj lain yang berhubung dengan transaksi sedemikian atau Kad Debit, kami boleh (tetapi tidak wajib untuk berbuat demikian) memindahkan dana daripada mana-mana akaun lain yang dipegang oleh anda dengan kami, kepada Akaun.

6.0 AKAUN BERSAMA

- 6.1 Jika Akaun dipegang oleh lebih daripada seorang, Kad Debit mungkin dikeluarkan kepada mana-mana pemegang akaun yang boleh mengendalikan Akaun secara tunggal. Semua transaksi yang dilaksanakan dengan mana-mana Kad Debit daripada Akaun bersama akan mengikat semua pemegang akaun, yang akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan.

- 6.2 Mandat untuk pengendalian Akaun bersama hanya boleh ditukar atau diubah apabila Kad Debit dikembalikan oleh Ahli Kad kepada kami, dan Kad Debit tersebut akan dibatalkan.

7.0 TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 7.1 Anda boleh menggunakan Kad Debit di luar Malaysia di mana-mana Pedagang yang Dibenarkan – kecuali untuk Transaksi Tanpa Sentuhan yang hanya boleh digunakan di Malaysia sahaja.

- 7.2 Anda boleh menggunakan Kad Debit untuk Pengeluaran Tunai di mana-mana ATM yang menerima Mastercard di negara yang dibenarkan oleh kami. Jika anda melakukan Pengeluaran Tunai sedemikian di ATM yang tidak dimiliki oleh kami, caj mungkin dikenakan untuk Pengeluaran Tunai sedemikian.

7.3 Jika anda menggunakan Kad Debit untuk Pengeluaran Tunai atau untuk transaksi dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, ia akan ditukar pada kadar penukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard Worldwide pada tarikh transaksi tersebut dimasukkan ke dalam Akaun. Kadar penukaran pada tarikh kemasukan tersebut mungkin berbeza daripada kadar penukaran pada tarikh transaksi. Kos pentadbiran sebanyak 1% atau kadar lain sedemikian yang ditentukan oleh kami untuk penukaran tersebut akan dikenakan kepada anda. Sebarang kadar yang dikenakan akan ditentukan oleh Mastercard Worldwide dan adalah muktamad dan konklusif, dan anda akan menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan kos lain yang mungkin dialami berhubung dengan penukaran sedemikian.

Penukaran Mata Wang Dinamik ("DCC") adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh pedagang luar negara tertentu yang menyediakan anda pilihan untuk membayar transaksi mata wang asing anda dengan Kad Debit anda dalam Ringgit Malaysia di tempat jualan.

7.4 Kadar penukaran untuk DCC ditentukan oleh pedagang luar negara yang berkenaan. Kadar penukaran bagi apa-apa bayaran yang dilakukan melalui perkhidmatan DCC (di mana bayaran dilakukan dalam Ringgit Malaysia di tempat jualan) mungkin lebih tinggi daripada kadar penukaran yang ditentukan oleh Mastercard Worldwide (di mana bayaran dilakukan dalam mata wang asing di tempat jualan).

7.5 Semua transaksi luar negara atau Pengeluaran Tunai tidak boleh melanggar undang-undang negara di mana transaksi atau Pengeluaran Tunai tersebut dilaksanakan. Jika berkenaan, anda mesti mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia seperti yang mungkin diubah dan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

8.0 TRANSAKSI YANG MENYALAHUI UNDANG-UNDANG

Anda mestilah menggunakan Kad Debit secara bertanggungjawab. Anda tidak boleh menggunakan Kad Debit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya kami mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Debit anda telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, kami boleh mengambil tindakan yang kami anggap sesuai dalam usaha kami untuk memenuhi sebarang kewajipan atau keperluan di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung dengan pencegahan atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti penganas, sogokan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami mungkin ambil termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantung atau menamatkan penggunaan Kad Debit dengan serta-merta, membuat laporan kepada pihak berkuasa yang berkenaan dan mengambil tindakan sedemikian yang sewajarnya sebagaimana yang kami tentukan.

9.0 LIABILITI UNTUK KEHILANGAN ATAU KECURIAN KAD DEBIT, PENDEDAHAN KOD LALUAN ANDA KEPADA MANA-MANA INDIVIDU ATAU PENGGUNAAN KAD DEBIT TANPA KEBENARAN

9.1 Jika anda telah:-

- a) bertindak secara menipu;
- b) memperlambatkan masa untuk memaklumkan kami sebaik sahaja ia munasabah untuk berbuat demikian selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan Kad Debit tanpa kebenaran anda;
- c) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela atau membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit anda;
- d) meninggalkan Kad Debit anda atau item yang mengandungi Kad Debit anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
- e) merekodkan PIN anda pada Kad Debit, atau atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit anda; anda akan bertanggungjawab untuk sebarang transaksi yang dilakukan dengan Kad Debit.

- 9.2 Pada permintaan anda, kami boleh (tetapi tidak diwajibkan) untuk mengeluarkan Kad Debit penggantian kepada anda berikutan kehilangan atau kecuriannya. Anda perlu membayar fi penggantian kad untuk setiap penggantian Kad Debit. Setakat yang dibenarkan undang-undang, anda akan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit yang hilang atau dicuri, termasuk transaksi yang dilakukan sebelum anda memaklumkan kepada kami tentang kehilangan atau kecuriannya yang belum dimasukkan ke dalam Akaun, dan apa-apa arahan tetap sedia ada yang dilakukan oleh anda kepada Pedagang yang Dibenarkan.
- 9.3 Apabila anda menerima Kad Debit penggantian, anda perlu menandatangani pada jalur tandatangan. Apabila anda menggunakan Kad Debit penggantian untuk kali pertama, ia adalah pengaktifan sah untuk Kad Debit tersebut. Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan Pedagang yang Dibenarkan untuk membatalkan atau meminda mana-mana arahan tetap sedia ada berhubung dengan Kad Debit yang hilang atau dicuri dan/atau Kad Debit penggantian.

10.0 PENAMATAN, PEMBATALAN ATAU PENGGANTUNGAN KAD DEBIT

- 10.1 Anda boleh menamatkan penggunaan Kad Debit pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Fi tahunan tidak akan dibayar balik kepada anda.
- 10.2 Kami boleh, pada bila-bila masa, menarik balik, menamatkan atau menggantung penggunaan Kad Debit, Akaun dan/atau mana-mana perkhidmatan berkaitan lain, menolak sebarang transaksi di bawah Kad Debit dan/atau enggan mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan Kad Debit, apabila mana-mana yang berikut ("Peristiwa Ingkar") berlaku –
- a) anda tidak mematuhi sebarang undang-undang yang digunakan;
 - b) anda melebihi Had;
 - c) anda mengancam untuk melanggar atau telah melanggar Terma dan Syarat ini;
 - d) anda memberi maklumat yang tidak benar, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan kepada kami;
 - e) anda meninggal dunia atau menjadi tidak waras;
 - f) anda menjadi bankrap atau tak mampu bayar atau membenarkan apa-apa penghakiman diteruskan selama tempoh dua puluh satu (21) hari;
 - g) anda melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan atau tidak dapat membayar hutang anda, menggantung hutang anda, atau memasuki apa-apa gabungan atau pengaturan dengan atau bagi manfaat pemiutang anda;
 - h) sesuatu petisyen dikemukakan terhadap anda untuk kebangkrapan;
 - i) pelaksanaan distres, penahanan atau prosiding undang-undang lain dikenakan, dilaksanakan atau diambil terhadap mana-mana aset anda;
 - j) mana-mana Akaun anda dengan kami ditetapkan semula atau ditutup oleh kami untuk apa-apa sebab sekalipun;
 - k) sebarang tindakan undang-undang (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau prosiding pentadbiran yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;
 - l) anda melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran atau pelanggaran mana-mana perjanjian, persetujuan, ketetapan, terma atau syarat yang dimeterai antara anda dan kami, yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan;
 - m) ia salah dari segi undang-undang, tidak sah atau mustahil bagi kami untuk membenarkan anda atau terus membenarkan anda untuk menggunakan Kad Debit atau Akaun atau untuk mematuhi tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini atau untuk kami menguatkuasakan mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;
 - n) kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Debit digunakan untuk sebarang aktiviti haram;
 - o) terdapat apa-apa penyiasatan oleh pihak polis atau organisasi polis, badan atau agensi kerajaan, suruhanjaya atau agensi anti rasuah atau pengawal selia (di Malaysia atau sebaliknya) yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;
 - p) lokasi anda tidak diketahui kami;

- q) kami memutuskan bahawa terdapat apa-apa perubahan dalam keadaan pasaran yang akan menyebabkan penerusan kemudahan dan perkhidmatan Kad Debit yang ditawarkan kepada anda untuk menjadi tidak praktikal atau tidak sesuai dari segi komersial untuk sementara waktu atau selama-lamanya;
 - r) anda didakwa atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau mempunyai sebarang rekod jenayah;
 - s) terdapat apa-apa laporan yang diambil terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
 - t) kami memutuskan bahawa penggunaan berterusan Kad Debit mungkin boleh menjejaskan kedudukan kami sendiri dan keputusan kami adalah muktamad.
- 10.3 Tanpa mengira Klausula 10.2, kami boleh menarik balik, menggantung atau menamatkan penggunaan Kad Debit anda dengan memberikan notis kepada anda.
- 10.4 Pada pembatalan atau penamatan Kad Debit anda, anda akan terus bertanggungjawab untuk sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit sehingga tarikh berkesan pembatalan atau penamatan Kad Debit tersebut, termasuk transaksi yang belum dimasukkan ke dalam Akaun, dan mana-mana arahan tetap sedia ada yang dilakukan oleh anda kepada Pedagang yang Dibenarkan. Anda bertanggungjawab semata-mata untuk memaklumkan Pedagang yang Dibenarkan dan membatalkan mana-mana arahan tetap sedia ada sebelum atau selepas penamatan Kad Debit anda.
- 10.5 Jika Kad Debit ditamatkan atau dibatalkan, anda mesti memotong Kad Debit kepada dua bahagian di sepanjang jalur magnet dan cip.
- 10.6 Jika, selepas penamatan, anda tidak memotong Kad Debit kepada dua bahagian, anda akan terus bertanggungjawab ke atas sebarang caj dan transaksi yang dilakukan dengan Kad Debit dan caj dan transaksi sedemikian akan didebitkan daripada Akaun anda

11.0 PENGECCUALIAN LIABILITI

- 11.1 Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas ganti rugi yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh anda termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan reputasi atau rasa malu di bawah keadaan berikut:-
- a) berhubung dengan apa-apa perwakilan yang dilakukan oleh kami atau implikasi yang disebabkan oleh –
 - i) pembatalan atau keengganan kami untuk memperbaharui Kad Debit;
 - ii) penggantungan atau sekatan yang dikenakan oleh kami ke atas penggunaan Kad Debit;
 - iii) apa-apa pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan, peningkatan, penggantungan, pembatalan atau penarikan balik sebarang manfaat atau keistimewaan yang diberikan kepada anda di bawah Kad Debit;
 - b) disebabkan oleh sesuatu perbuatan atau kecuaiannya oleh Pedagang yang Dibenarkan;
 - c) disebabkan oleh pengkalan Kad Debit atau keengganan Pedagang yang Dibenarkan untuk menerima Kad Debit;
 - d) berhubung dengan suatu kenyataan, perwakilan atau komunikasi yang dilakukan oleh Pedagang yang Dibenarkan;
 - e) disebabkan oleh sebarang kerosakan atau kekurangan dalam barangan yang dibeli atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pedagang yang Dibenarkan;
 - f) disebabkan oleh rasa tidak puas hati dengan kualiti, keberkesanan dan/atau ketulenan barangan yang dibeli dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pedagang yang Dibenarkan.

12.0 FI, CAJ DAN HAK UNTUK MENDEBIT

- 12.1 Anda bersetuju untuk membayar, dan membenarkan kami mendebit daripada Akaun, pada bila-bila masa, semua fi dan caj, faedah, cukai, duti atau levi yang ditanggung berhubung dengan pengeluaran dan penggunaan Kad Debit, dan semua kos guaman, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh kami dalam menguatkuasakan atau percubaan untuk menguatkuasakan Terma dan Syarat ini.

- 12.2 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi yang, pada tarikh pengeluaran Kad Debit atau apa-apa tarikh selepas tarikh pengeluaran Kad Debit, diperlukan oleh undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang sedemikian dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan kepada undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan tersebut) untuk dibayar kepada mana-mana perbadanan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berhubung dengan apa-apa wang yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berkenaan dengan Kad Debit.
- 12.3 Sebarang cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berhubung dengan penggunaan Kad Debit dan apa-apa barangan atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Kad Debit akan ditanggung oleh dan dikenakan kepada anda. Jika kami melaksanakan pembayaran bagi pihak anda, anda bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami sebarang jumlah yang telah dibayar.
- 12.4 Anda mesti membayar fi tahunan untuk Kad Debit pada tarikh ulang tahun - Kad Debit dikeluarkan - Fi tahunan akan didebitkan daripada Akaun anda apabila tarikh akhir ulang tahun tamat, dan tidak akan dikembalikan. Layari laman web UOB untuk mendapatkan senarai penuh fi dan caj.
- 12.5 Anda mesti membayar caj perkhidmatan/fi penggantian (pada kadar yang kami tentukan pada bila-bila masa) bagi perkhidmatan yang kami berikan berhubung dengan –
- a) permintaan untuk pengeluaran atau salinan dan/atau Draf Jualan asal atau dokumen lain;
 - b) Pengeluaran kad Debit
 - b) penggantian Kad Debit yang rosak, hilang atau dicuri; atau
 - c) penggantian Kad Debit akibat apa-apa perkara berkenaan dengan PIN.
- 12.6 Anda mesti membayar sebarang fi dan/atau caj lain yang dikenakan pada bila-bila masa oleh kami atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami berhubung dengan pengeluaran dan penggunaan Kad Debit.

13.0 CIRI DAN MANFAAT SECARA AM

Kami boleh pada bila-bila masa meminda, mengubah, menyemak, menyekat, meningkat, menggantung, membatalkan atau menarik balik semua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada anda di bawah Kad Debit dengan memberikan notis terlebih dahulu.

14.0 PERTIKAIAN

- 14.1 Anda mesti menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian secara langsung dengan Pedagang yang Dibenarkan, dan anda bersetuju untuk tidak membabitkan kami dalam sebarang tuntutan, pertikaian atau prosiding undang-undang sedemikian, dan tuntutan sedemikian tidak boleh ditolak selesai terhadap kami.
- 14.2 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, apa-apa tuntutan atau pertikaian yang anda mungkin hadapi terhadap Pedagang yang Dibenarkan tidak akan menjadi tanggungjawab bagi pihak kami di bawah Terma dan Syarat ini untuk menahan apa-apa pemindahan atau pembayaran sebarang wang daripada Akaun kepada Pedagang yang Dibenarkan. Anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan pemindahan atau bayaran sedemikian kepada Pedagang yang Dibenarkan.
- 14.3 Anda mesti menghubungi dan memaklumkan Pedagang yang Dibenarkan secara langsung tentang sebarang pembatalan arahan tetap bagi bil berulang atau bayaran atau pembatalan Kad Debit berhubung dengan sebarang arahan tetap bagi bil berulang. Anda bersetuju bahawa anda akan mengemukakan apa-apa tuntutan atau pertikaian berhubung dengan bil berulang yang terdapat dalam Penyata Akaun secara langsung kepada Pedagang yang Dibenarkan, dan bahawa kami tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa-apa cara sekalipun.

14.4 Apabila anda melaporkan sesuatu transaksi yang anda pertikaikan terhadap Pedagang yang Dibenarkan, anda mesti memberikan kami maklumat berikut, sama ada secara lisan atau bertulis, berhubung dengan transaksi yang dipertikaikan:

- a) nama anda;
- b) Akaun yang terjejas;
- c) tarikh dan jumlah transaksi yang dipertikaikan; dan
- d) sebab anda percaya bahawa ia merupakan transaksi yang dipertikaikan.

14.5 Kami berhak untuk mendebitkan jumlah penuh transaksi yang dipertikaikan daripada Akaun anda selepas diberikan bukti transaksi yang dipertikaikan tersebut adalah sah dan dibenarkan oleh anda dengan memberikan notis dua puluh (21) hari terlebih dahulu kepada anda.

14.6 Sebarang usaha di pihak anda untuk melakukan tuntutan palsu bagi transaksi yang dipertikaikan akan melayakkan kami untuk melaksanakan sebarang hak kami di bawah Terma dan Syarat ini.

15.0 KEINGKARAN SILANG

Jika anda melanggar apa-apa terma dan syarat dalam mana-mana perjanjian lain dengan kami, kami boleh menggantung atau menamatkan penggunaan Kad Debit tersebut.

16.0 PERUBAHAN

16.1 Kami boleh, pada bila-bila masa, mengubah, menambah, memadamkan atau meminda fi dan caj serta Terma dan Syarat ini dengan memberi anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, melalui kenyataan ke dalam Penyata Akaun anda atau pemaparan di laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau penampilan notis di mana-mana cawangan kami.

16.2 Apa-apa perubahan yang dinyatakan dalam Klausula 16.1 akan berkuatkuasa pada tarikh yang kami nyatakan dalam notis. Jika anda tidak menerima pindaan tersebut, anda mesti membatalkan atau menamatkan Kad Debit sebelum tarikh kuat kuasa tersebut dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pengekalan atau penggunaan Kad Debit selepas tarikh kuat kuasa akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap perubahan sedemikian dan perubahan sedemikian akan mengikat anda.

17.0 PENDEDAHAN

Anda bersetuju dan membenarkan kami (termasuk pegawai, kakitangan, agen atau mana-mana individu lain yang kami benarkan untuk mengakses rekod kami, surat-menyurat atau sebarang bahan berkaitan dengan anda, Akaun atau Kad Debit anda) mendedahkan pada bila-bila masa, sebarang maklumat berkaitan dengan anda, Akaun atau Kad Debit anda kepada individu seperti berikut:

- a) mana-mana satu atau lebih daripada satu ahli Kumpulan, untuk mana-mana tujuan berikut:
 - (i) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan;
 - (ii) pelaporan;
 - (iii) pepadanan data;
 - (iv) meningkatkan dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami;
 - (v) pencegahan penipuan atau jenayah;
 - (vi) menyiasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan aktiviti pengubahan wang haram dan jenayah;
 - (vii) pengutipan hutang;
 - (viii) penggunaan khidmat sumber luar untuk operasi kami;
 - (ix) pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai kami atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
 - (x) memudahkan pelaksanaan tugas kami atau mana-mana fungsi Kumpulan;
 - (xi) pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;

- (xii) pelaksanaan peraturan korporat;
- (xiii) sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas kami;
- b) mana-mana pedagang atau pertubuhan yang menerima Kad Debit, mana-mana bank atau institusi kewangan lain, MasterCard Worldwide atau penggantinya, mana-mana ahli MasterCard Worldwide dan/atau mana-mana pihak berkepentingan lain untuk memudahkan penggunaan Kad Debit atau pemprosesan sebarang transaksi yang terjejas atau penyiasatan ke atas perkara yang berkaitan dengan Kad Debit;
- c) mana-mana individu yang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan kembali wang yang perlu dibayar oleh anda kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini;
- d) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau yang lain kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyenggara dan meningkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
- e) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang kami lantik berhubung dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
- f) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- g) bank-bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit (hanya untuk maklumat kredit) yang lain;
- h) juruaudit, peguam dan penasihat profesional kami;
- i) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggarakannya dan pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan lain yang kami gunakan;
- j) mana-mana biro kredit di mana kami adalah ahli, dan mana-mana ahli lain dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
- k) mana-mana agensi penarafan, penanggung insurans atau pembekal insurans/takaful atau pembekal langsung atau tidak langsung bagi perlindungan kredit;
- l) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau sub-peserta berhubung dengan mana-mana kewajipan kami di bawah perjanjian perbankan di antara anda dan kami, atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, pekerja, agen atau penasihat) untuk mana-mana daripada mereka;
- m) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproses dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui ATM bank-bank lain atau institusi kewangan atau bukan kewangan atau terminal atau mesin yang dikendalikan oleh kad yang lain atau peranti yang kami luluskan, kepada bank, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima penggunaan kad ATM dan agen atau kontraktor mereka masing-masing;
- n) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
- o) mana-mana individu yang dibenarkan atau diperlukan oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
- p) mana-mana individu yang mempunyai kaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;
- q) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami; dan
- r) mana-mana negara lain, bank pusat atau pihak berkuasa penyiasatannya untuk tujuan pematuhan kepada apa-apa pertukaran automatik maklumat akaun kewangan di bawah sebarang persetujuan pelbagai hala mengenai bantuan pentadbiran bersama dalam hal cukai.

18.0 PERINTAH MAHKAMAH

Kami boleh bertindak dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami dikemukakan dengan perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah dalam mana-mana bidang kuasa. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan kami.

19.0 PERLINDUNGAN DATA

- 19.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan UOBM dan juga di laman web UOBM di www.uob.com.my) dan klausa dalam Terma dan Syarat ini yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini
- 19.2 Anda membenarkan dan bersetuju bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi (termasuk Data Peribadi mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga) di luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang wajar terhadap sebarang kerugian, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, pengubahan atau pemadaman.
- 19.3 Sekiranya anda memberikan Data Peribadi berhubung dengan mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga kepada kami, bagi tujuan pembukaan atau pengendalian Akaun dengan kami atau sebaliknya bagi melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda:
- a) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan mereka untuk memproses (termasuk pendedahan dan pemindahan) Data Peribadi mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya selaras dengan Terma dan Syarat;
 - b) berjanji bahawa anda telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di laman web kami di www.uob.com.my;
 - c) telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian:
 - (i) bahawa kami boleh mengutip atau mengesahkan Data Peribadi mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
 - (ii) bahawa kami boleh mendedahkan Data Peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga yang dinyatakan dalam Notis Privasi kami;
 - d) bersetuju untuk memastikan bahawa Data Peribadi Subjek Data Pihak Ketiga tersebut adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini;
 - e) bersetuju untuk mengemas kini kami secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan penting dalam Data Peribadi tersebut; dan
 - f) bersetuju kepada hak kami untuk menamatkan Terma dan Syarat ini jika persetujuan sedemikian ditarik balik oleh Subjek Data Pihak Ketiga tersebut.
- 19.4 Di mana anda telah mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran berkenaan transaksi rentas sempadan tersebut (termasuk data berhubung dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut, seperti Subjek Data Pihak Ketiga) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/atau agen kami untuk melaksanakan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan di atas bagi pihak anda dan pihak lain (termasuk mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga) yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 19.5 Selain itu, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang digunakan oleh kami atau Kumpulan, anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, serta pedagang dan rakan kongsi strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percayai mungkin menarik minat anda atau memanfaatkan anda dari segi kewangan. Walaupun dengan apa-apa yang tersebut di atas, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data berhubung dengan hal ehwal anda atau Kad Debit) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik kami apabila kami telah memperoleh persetujuan anda terlebih dahulu.

- 19.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima atau berhenti menerima sebarang bahan pemasaran langsung daripada kami dan Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Persendirian, Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut 50738 Kuala Lumpur (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh kami dari semasa ke semasa) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada kami.
- 19.7 Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian Akaun anda dan/atau kemudahan dengan kami, dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- 19.8 Anda dan Subjek Data Pihak Ketiga berhak untuk meminta secara bertulis:
- untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami;
 - untuk sebarang maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami untuk dikemaskinikan, dipinda dan/atau diperbetulkan;
 - untuk kami mengehaskan pemprosesan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
 - untuk membuat pertanyaan atau aduan mengenai pemprosesan Data Peribadi anda.

Untuk permintaan di bawah a) atau b), anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh membuat permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan Pembetulan Data masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami serta di laman web kami di www.uob.com.my.

Anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh mengarahkan permintaan anda ke mana-mana cawangan kami atau 'Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur.

Kami boleh mengenakan fi untuk memproses permintaan anda bagi mengakses data. Kami juga boleh menolak untuk mematuhi permintaan anda berhubung dengan a) atau b) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga tidak mencukupi (sebagaimana yang ditentukan oleh kami) atau di mana permintaan sedemikian mungkin memungkir atau melanggar sebarang undang-undang atau syarat atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan pada kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami menolak untuk mematuhi permintaan tersebut, kami akan memaklumkan anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga mengenai penolakan kami dan sebab penolakan tersebut.

- 19.9 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut telah dikemaskinikan.
- 19.10 Sila dimaklumkan bahawa jika kami tidak lagi mempunyai hak untuk memproses Data Peribadi yang diberikan kepada kami oleh anda (termasuk di mana anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga kemudiannya menarik balik persetujuan untuk memproses Data Peribadi), kami mungkin tidak dapat memproses Data Peribadi secara berkesan berhubung dengan sebarang tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi, jika ada, dan kami akan berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, Akaun dan/atau kemudahan berkaitan dengan Data Peribadi sedemikian.
- 19.11 Kami berhak untuk meminda Klausula 19 ini dari semasa ke semasa sebagaimana yang kami anggap sesuai dan akan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda secara bertulis dan memaparkan pindaan sedemikian dalam laman web kami atau dengan meletakkan notis di ruang perbankan atau di kawasan utama dalam cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain sedemikian yang dianggap sesuai oleh kami.
- 19.12 Klausula 19 ini tidak akan menjejaskan apa-apa klausula lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan pendedahan data.

20.0 INDEMNITI

20.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan sebarang hak atau remedi (undang-undang atau sebaliknya) lain kami dan setakat yang dibenarkan undang-undang dan kecuali ia disebabkan oleh salah laku sengaja atau kecuai melampau kami, anda akan, apabila dituntut, melindungi kami dan tidak mempertanggungjawabkan kami daripada dan terhadap semua kerugian, kos, caj dan perbelanjaan, termasuk kos guaman pada dasar indemniti penuh, serta semua barangan dan perkhidmatan, nilai ditambah dan duti, levi dan cukai lain yang perlu dibayar ke atas kos, caj dan perbelanjaan sedemikian yang kami mungkin menampung, mengalami atau menanggung akibat:-

- (a) apa-apa kegagalan anda untuk mematuhi mana-mana Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat lain sedemikian yang digunakan;
- (b) kami bertindak mengikut arahan anda atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat ini;
- (c) apa-apa perubahan dalam sebarang undang-undang yang digunakan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang undang-undang pencucuaian atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
- (d) apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan atau yang menyebabkan ia dilakukan oleh kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini;
- (e) kami bergantung atau bertindak dengan niat baik ke atas apa-apa arahan daripada anda walaupun ia kemudiannya menunjukkan bahawa arahan tersebut tidak diberi, tidak bertulis atau tidak dibenarkan oleh anda;
- (f) pengekalan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;
- (g) mana-mana penglibatan kami dalam sebarang prosiding dalam apa-apa bentuk sekalipun bagi perlindungan atau yang berhubung dengan Kad Debit.

20.2 Pengesahan kami untuk jumlah kerugian, kos, caj dan perbelanjaan tersebut adalah muktamad dan akan mengikat anda melainkan terdapat sebarang kesilapan yang nyata.

21.0 NOTIS DAN KOMUNIKASI

21.1 Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi (selain Proses Undang-undang) yang kami hantar kepada anda mungkin:-

- (a) dihantar dengan tangan ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk Akaun/Kad Debit atau alamat terakhir lain sedemikian yang diketahui kami;
- (b) dihantar melalui pos (berdaftar, berdaftar Akaun Terima, biasa atau sebaliknya) ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk Akaun/Kad Debit atau alamat terakhir lain sedemikian yang diketahui kami;
- (c) dihantar melalui transmisi faksimili ke nombor faksimili terakhir yang diketahui kami;
- (d) dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang diketahui kami;
- (e) dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada nombor telefon bimbit terakhir yang diketahui kami;
- (f) dengan memaparkannya di laman web kami; atau
- (g) dengan memasukkannya ke dalam mana-mana Penyata Deposit yang kami hantar kepada anda.

21.2 Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda:-

- (a) pada waktu penghantaran di alamat anda, jika dihantar dengan tangan;
- (b) pada Hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar;
- (c) pada waktu penghantaran faksimili selesai;
- (d) pada waktu penghantaran mel elektronik selesai;
- (e) pada waktu penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) selesai;
- (f) pada waktu Penyata Akaun dianggap telah diterima oleh anda.

- 21.3 Perubahan dalam butiran perhubungan:
- a) Anda bersetuju untuk memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam alamat surat-menyurat, pos atau kediaman anda serta maklumat perhubungan anda ("Maklumat").
 - b) Jika anda tidak memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam Maklumat anda, anda bersetuju bahawa kami boleh bergantung pada:
 - (i) sebarang alamat dan/atau maklumat perhubungan yang dinyatakan dalam borang permohonan atau seperti yang dinyatakan dalam rekod kami; atau
 - (ii) sebarang alamat dan/atau maklumat perhubungan yang kami peroleh daripada sebarang komunikasi yang dikatakan telah dihantar oleh anda kepada kami.
 - c) Jika anda gagal memaklumkan kami mengenai perubahan dalam Maklumat anda yang menyebabkan kelewatan atau tiada penghantaran mana-mana Penyata Akaun, surat-menyurat dan/atau notis, ia tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.

Arahan – Lisan, Faksimili, Perbankan Internet Peribadi, Perkhidmatan Mudah Alih dan Cara Lain

- 21.4 Jika kami bersetuju untuk menerima dan bertindak atas arahan yang diberikan secara lisan, melalui faksimili, Perbankan Internet Peribadi atau Perkhidmatan Mudah Alih atau dalam apa-apa cara atau kaedah lain, anda untuk mengakui dan menerima risiko bagi memberi arahan sedemikian (termasuk risiko penipuan, pemalsuan, kelewatan dan salah faham, risiko bahawa kami mungkin memproses arahan dua kali, dan risiko bahawa maklumat yang dihantar mungkin tidak selamat).

21.5 Rakaman

Kami mungkin merakam arahan dan perbualan telefon lain dan anda bersetuju bahawa rakaman atau transkrip sedemikian boleh digunakan sebagai bukti muktamad bagi arahan dan perbualan telefon tersebut.

- 21.6 Anda membenarkan kami untuk bertindak atas arahan anda yang diberikan melalui telefon, telefon bimbit [termasuk Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau Khidmat Pesanan Multimedia (MMS) yang dihantar daripada nombor telefon bimbit terakhir anda yang diketahui oleh kami], teleks, faksimili atau cara arahan telekomunikasi lain yang kami percaya telah diberikan oleh anda.

- 21.7 Kecuali dinyatakan sebaliknya dengan jelas dalam Terma dan Syarat ini, kami berhak untuk bergantung dan bertindak atas apa-apa arahan yang diberi seperti yang dinyatakan dalam Klausula 21.6 di atas dan tidak akan bertanggungjawab kepada anda dalam apa-apa cara untuk bertindak dengan niat baik terhadap apa-apa arahan sedemikian walaupun ia kemudiannya menunjukkan bahawa ia tidak diberikan oleh anda, atau untuk apa-apa salah faham atau apa-apa kesilapan, kerugian atau kelewatan yang disebabkan oleh penggunaan peranti mudah alih, perkhidmatan pos, teleks atau mesin teletaip, peranti kabel, peranti penghantaran faksimili atau peranti komputer. Kami berhak untuk bergantung dan bertindak ke atas apa-apa arahan yang disampaikan melalui telefon atau telefon bimbit seperti yang dinyatakan dalam Klausula 21.6 di atas, dan risiko salah faham dan kesilapan serta arahan yang diberikan oleh individu yang tidak dibenarkan adalah tanggungjawab anda sendiri. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang disebabkan oleh sebarang salah faham, kesilapan atau arahan yang tidak dibenarkan.

- 21.8 Anda bersetuju untuk melindungi kami sepenuhnya, dan kekal melindungi kami sepenuhnya dan tidak mempertanggungjawabkan kami pada setiap masa terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa bentuk (termasuk kos guaman pada dasar indemniti penuh) yang timbul dalam apa-apa cara yang kami mungkin tanggung, alami atau hadapi akibat daripada persetujuan kami untuk bertindak atas arahan yang dinyatakan dalam Klausula 21.

22.0 PENYIMPANAN REKOD ANDA

Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan apa-apa rekod Kad Debit anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada borang permohonan Kad Debit, dokumen transaksi, Penyata Akaun, surat-menyurat atau dokumen yang diberikan kepada kami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga lain, yang melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di dalam

polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan/atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang atau peraturan yang digunakan di mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

23.0 PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG

Sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk apa-apa cara perkhidmatan yang mungkin dibenarkan atau ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa ini, sebarang perkhidmatan Proses Undang-undang oleh atau bagi pihak kami dapat dilaksanakan ke atas anda:

- a) dengan meninggalkan satu salinan di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan ia akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia ditinggalkan di alamat tersebut; atau
- b) dengan menghantar satu salinan melalui pos berdaftar prabayar atau biasa ke alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan ia akan dianggap telah diterima oleh anda dengan sewajarnya pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar.

24.0 KEADAAN DI LUAR KAWALAN KAMI

Jika kami tidak dapat melaksanakan apa-apa kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat ini, atau menjalankan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan yang diperlukan akibat apa-apa sebab di luar kawalan kami, termasuk –

- a) kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan keganasan, sekatan, peperangan, bencana alam;
- b) apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, air, bekalan bahan api; atau
- c) apa-apa keadaan yang bersifat *force majeure* (peristiwa tidak diduga yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini), kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara untuk sebarang kegagalan pelaksanaan atau untuk apa-apa kesulitan, kehilangan, kecederaan, dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh anda secara langsung atau tidak langsung sebagai akibatnya.

25.0 MASA

Masa akan menjadi dasar Terma dan Syarat ini.

26.0 PENEPIAN

26.1 Anda bersetuju bahawa jika anda melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini, kami mungkin menentukan untuk tidak melaksanakan apa-apa hak atau remedi yang kami mungkin ada berhubung dengan pelanggaran anda.

26.2 Walaupun kami mungkin tidak melaksanakan apa-apa hak atau remedi yang tersedia kepada kami sejurus selepas pelanggaran anda, anda bersetuju bahawa kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menyetepikan atau membebaskan pelanggaran tersebut. Berikutan ini, kami mungkin pada bila-bila masa melaksanakan semua atau mana-mana hak atau remedi yang disediakan kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini dan sebarang undang-undang yang digunakan. Apa-apa kelewatan di pihak kami dalam mengambil langkah-langkah untuk menguatkuasakan remedi yang tersedia kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini atau sebarang undang-undang yang digunakan tidak akan menjejaskan hak kami dalam apa-apa cara sekalipun untuk mengambil langkah-langkah tersebut dan kami mengekalkan hak pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan atau menegaskan hak kami berhubung dengan pelanggaran tersebut atau apa-apa pelanggaran berikutnya oleh anda.

27.0 KEBERKESANAN

Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut akan dianggap sebagai telah dikeluarkan daripada Terma dan Syarat ini. Namun demikian, Terma dan Syarat yang lain akan terus berkuatkuasa dan tidak terjejas dalam apa-apa cara sekalipun oleh peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

28.0 REMEDI KUMULATIF

Hak, remedi, kuasa, dan keistimewaan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini ialah kumulatif dan tidak mengecualikan apa-apa hak, remedi, dan keistimewaan yang disediakan oleh undang-undang, dalam mana-mana perjanjian lain antara pihak-pihak berkenaan atau sebaliknya.

29.0 PENGGUNAAN KAD DEBIT UNTUK AKAUN TAMBAHAN/GANTIAN

Kami mungkin membenarkan, pada permintaan anda, mana-mana Kad Debit digunakan atau terus digunakan berhubung dengan atau sebagai ganti bagi Akaun yang pada asalnya ditetapkan oleh anda, dan Terma dan Syarat ini akan digunakan untuk penggunaan Kad Debit berhubung dengan mana-mana Akaun lain sedemikian.

30.0 PERLINDUNGAN HAK DAN KELAYAKAN

Tanpa mengira apa yang dinyatakan di bahagian lain Terma dan Syarat ini, anda bersetuju bahawa hak kami dalam Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan dikekalkan walaupun dengan sebarang pembatalan, pemansuhan atau penggantungan bagi penggunaan Kad Debit.

31.0 PENYERAHAN HAK

Anda tidak boleh menyerahkan sebarang hak anda di bawah Terma dan Syarat ini tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu. Kami boleh menyerahkan mana-mana atau semua hak kami di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana individu yang kami anggap sesuai.

32.0 UNDANG-UNDANG

Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan anda secara muktamad –

- a) menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia;
- b) mengetepikan sebarang bantahan pada alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa, atau apa-apa alasan yang bersamaan; dan
- c) membenarkan penyampaian Proses Undang-undang melalui apa-apa cara yang dibenarkan oleh Terma dan Syarat ini dan/atau undang-undang yang berkenaan.

33.0 ADUAN DAN PERTANYAAN

Sekiranya terdapat aduan atau pertanyaan yang berkaitan dengan Kad Debit, anda boleh menghubungi Pusat Hubungan kami di:

Nombor Telefon: 03-2612 8121

Faks: 03-2690 0121

E-mel: uobcustomerservice@uob.com.my

34.0 PENGIKATAN PENGGANTI

Terma dan Syarat ini akan mengikatkan waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik anda, serta pengganti hak milik dan pemegang serah hak kami.